



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
BILANGAN 3

**ISU-ISU PENGECCUALIAN PEMBAYARAN FI LESEN BAGI PENGUSAHA-PENGUSAHA
PELANCONGAN DAN PEMANDU PELANCONG YANG DILESENKAN DI BAWAH AKTA
INDUSTRI PELANCONGAN 1992 [AKTA 482]**

1. Apakah maksud pengusaha-pengusaha pelancongan berlesen?

Berdasarkan tafsiran di bawah Seksyen 2, Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 [Akta 482], **pengusahaan pelancongan** bermaksud:

- a) mana-mana perniagaan pengendalian pelancongan;
- b) mana-mana perniagaan agensi pengembaraan; dan
- c) mana-mana perniagaan yang menyediakan institusi latihan pelancongan

Manakala berdasarkan tafsiran di bawah Seksyen 2, Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 [Akta 482], **pemandu pelancong** bermaksud yang memberikan perkhidmatan kepada pelancong atau mana-mana orang lain dengan memandu mereka demi bayaran apabila melancong.

Oleh itu, mana-mana **syarikat agensi pelancongan, institut latihan pelancongan** dan **pemandu pelancong** yang berlesen di bawah MoTAC adalah tergolong dalam kategori pengusahaan pelancongan.

2. Apakah jenis pengecualian fi yang diberikan oleh MoTAC dalam konteks ini?

Pengecualian fi yang dimaksud dalam konteks ini ialah fi lesen bagi syarikat agensi pelancongan, institut latihan pelancongan dan pemandu pelancong untuk tujuan permohonan pembaharuan lesen sahaja.

3. Bolehkah saya mendapatkan pengecualian fi pembaharuan lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan?

Jika perniagaan yang dijalankan oleh pemohon adalah termasuk dalam kategori pengusaha pelancongan seperti yang ditafsirkan dalam perenggan 1, berlesen dengan pihak MoTAC serta lesen masih aktif pada tahun semasa, maka pemohon boleh mendapatkan pengecualian fi pembaharuan lesen.

4. Jika saya sudah mengemukakan permohonan pembaharuan di laman sesawang SPIP sebelum tempoh PKP dilaksanakan pada 18 Mac 2020, adakah saya layak untuk mendapat pengecualian fi tersebut?

Pemohon adalah layak untuk mendapatkan pengecualian fi lesen jika permohonan telah dihantar melalui sistem SPIP dan masih belum mendapat kelulusan pembaharuan lesen dari pihak MoTAC disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan.

5. Adakah saya boleh mengemukakan permohonan pembaharuan lesen sepanjang tempoh PKP ini?

Permohonan dalam SPIP masih boleh dibuat seperti biasa dan akan diproses selepas tempoh perintah kawalan pergerakan berakhir.

Walau bagaimanapun fi proses dan fi lesen tidak boleh dibayar memandangkan bayaran fi proses dan fi lesen bagi semua permohonan melalui sistem SPIP ditutup buat sementara waktu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa dari 18 Mac 2020 sehingga satu tempoh yang akan diumumkan oleh pihak kerajaan.

6. Jika tempoh lesen saya telah tamat sebelum pelaksanaan PKP ini dan saya tidak mengemukakan apa-apa permohonan di dalam SPIP, adakah saya layak untuk mendapat pengecualian fi lesen pembaharuan?

Pemohon adalah tidak layak untuk mendapat pengecualian fi lesen bagi permohonan pembaharuan jika lesen syarikat agensi pelancongan, institut latihan pelancongan dan pemandu pelancong telah tamat tempoh sebelum pelaksanaan PKP pada 18 Mac 2020.

7. Adakah lesen cawangan bagi syarikat agensi pelancongan atau institut latihan pelancongan layak untuk mendapatkan pengecualian fi?

Pemohon yang mempunyai lesen cawangan bagi syarikat agensi pelancongan atau institut latihan pelancongan adalah layak untuk mendapatkan pengecualian fi lesen untuk kesemua cawangan yang dimiliki oleh syarikat ketika memperbaharui lesen.

8. Bilakah tempoh pengecualian fi ini akan berkuatkuasa?

Pengecualian fi lesen terpakai bagi permohonan pembaharuan lesen yang dikemukakan pada **17 Mac sehingga 31 Disember 2020**.

9. Adakah saya perlu mengemukakan permohonan pengecualian fi?

Pemohon wajib mengemukakan permohonan pembaharuan lesen seperti biasa melalui SPIP dan pengecualian fi lesen akan dijana secara automatik melalui sistem tersebut.

10. Jika saya lewat memperbaharui lesen syarikat agensi pelancongan, institut latihan pelancongan dan pemandu pelancong, adakah saya dikenakan kompaun atas kelewatan memperbaharui lesen semasa tempoh PKP?

Setiap perusahaan pelancongan berlesen atau pemandu pelancong berlesen hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya dalam apa-apa bentuk sekurang-kurang dalam tempoh 60 hari sebelum lesen tamat kepada perusahaan pelancongan dan pemandu pelancong atau 90 hari sebelum lesen tamat bagi perusahaan pelancongan yang mempunyai kenderaan pelancongan.

Kegagalan pemohon untuk mengemukakan permohonan pembaharuan dalam SPIP sebelum lesen tamat boleh dikenakan kompaun. Namun begitu, pengecualian kompaun diberikan kepada perusahaan pelancongan dengan syarat-syarat tertentu.

Sila rujuk FAQs berkaitan kompaun kepada perusahaan pelancongan dan pemandu pelancong di bawah bidang kuasa Seksyen 39 [Akta 482].

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
13 MEI 2020**